

AKTIVITI GALAKAN MEMBACA PSNZ 2023

JUMLAH AKTIVITI

6

JUMLAH PESERTA

1930

1

Program Jom Baca 10 Minit - 18 Mei 2023

Program Jom Baca 10 minit telah diadakan di sekitar kampus dan perpustakaan adalah bagi memberikan sokongan terhadap kepentingan membaca dan mereka berhenti sebentar daripada melakukan aktiviti rutin selain membaca untuk tempoh 10 minit. Jumlah Penyertaan : 409 orang



2

Program Sumbangan Buku SK Pechah Rotan - 23 Mei 2023

Aktiviti khidmat bantu pemilihan dan penyediaan buku-buku sumbangan bagi kegunaan pusat sumber sekolah dan aktiviti galakan membaca di sekolah. Sebanyak 69 buah buku telah diserahkan kepada Guru Besar SK Pechah Rotan, Puan Nor Asyima. Semoga buku-buku ini menjadi asbab pembudayaan aktiviti membaca di kalangan warga SK Pechah Rotan. Jumlah Penyertaan : 89 orang



3

Program Resensi Buku Bersama Penulis : Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri "Salam Terakhir"

Program Resensi Buku bersama penulis ini diadakan bagi tujuan perkongsian mengenai buku "Salam Terakhir" yang menghimpunkan nasihat-nasihat daripada seorang bapa kepada anaknya. Penulis juga akan berkongsi pengalaman dan cabaran yang dilalui serta dorongan dan sokongan yang telah diterima sepanjang penulisan buku ini. Jumlah Penyertaan : 275 orang



4

Program Sayembara Puisi Malaysia Madani

Program sempena bulan kemerdekaan ini diadakan untuk menggalakkan aktiviti membaca dikalangan peserta dengan menggunakan bahan bacaan perpustakaan sebagai karya dalam deklamasi di samping menyemai sikap mencintai karya-karya hasil nukilan penulis tempatan. Jumlah Penyertaan : 30 orang

5

Resensi Buku Meownglish [POD 2023]

Program Resensi Buku bersama penulis ini diadakan bagi tujuan perkongsian mengenai buku Meownglish hasil tulisan Guru Bahasa PPAL UMT dan Timbalan Pengarah Apa Khabar TV. Program anjuran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) dengan kerjasama English Learning Centre (ELC), University Malaysia Terengganu. Jumlah Penyertaan : 151 orang



6

Program Lestari Ulasan Buku : Jan - Dis 2023

Program mingguan yang diadakan untuk menambah kemahiran kepada staf PSNZ dalam membuat ulasan buku-buku pilihan serta berkongsi bahan-bahan bacaan yang menarik. Setiap ulasan buku ini juga perlu dilampirkan bersama borang beserta sinopsis ringkas buku yang telah diulas. Jumlah Penyertaan : 976 orang

